

Jalilah Jangka Lebih Banyak Syarikat AS Labur Di Malaysia
Bernama
19 Ogos, 2011

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang akan bersara Datuk Jalilah Baba berkata penurunan penarafan kredit AS baru-baru ini mungkin menggalakkan lebih banyak syarikat AS melabur di Malaysia.

Beliau berkata dengan penurunan penarafan itu, pelabur AS akan mendapati sukar untuk mendapat kredit daripada bank-bank mereka dan "ini merupakan faktor pendorong kepada mereka untuk pergi ke luar negara dan mencari negara yang kompetitif untuk mengusahakan perniagaan".

"AS akan kekal sebagai pelabur utama kita. Saya yakin jumlah pelaburan bagi tahun ini melebihi RM50 bilion.

"Kami masih yakin dengan sasaran ini berdasarkan kepada prestasi Januari-Jun di mana jumlah pelaburan adalah sebanyak RM28.6 bilion dengan 453 projek diluluskan, dan lebih 400 masih sedang dirunding," kata Jalilah yang bersara hari ini, pada sidang media di sini.

Ditanya mengenai siapa yang akan menggantikan beliau, beliau berkata setakat ini tiada petunjuk lagi, dengan kemungkinan pengumuman akan dibuat pada Isnin Beliau merancang bercuti selepas persaraan sebelum memutuskan langkah seterusnya.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=609171>